

Dr. M setuju terima jemputan ke Vatican bulan depan

PUTRAJAYA 26 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau bersetuju menerima jemputan pemimpin tertinggi Katolik, Pope John Paul II, ke Vatican bulan depan.

Menurut Perdana Menteri, keputusan itu akan disampaikan ke-

pada jemaah menteri dalam mesyuarat Kabinet akan datang.

● Komen pelbagai pihak — Muka 2

“Bila ada mesyuarat Kabinet, kita akan sahkan,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri

majlis perkahwinan anak perempuan pegawai pengiringnya, Fazilah Lazim di Precint 9 di sini.

Beliau dijangka ke Vatican City bagi memenuhi undangan Pope John Paul II semasa lawatan kerjanya ke Switzerland dan Luxembourg dari 9 hingga 12 Jun ini.

Perdana Menteri sebelum ini dilaporkan akan memaklumkan kepada Kabinet mengenai undangan tersebut.

Pelbagai pihak menyambut baik pertemuan yang bakal diadakan itu kerana diyakini dapat mengukuhkan lagi hubungan antara pe-

nganut Islam dengan Roman Katolik, sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa.

Lawatan Perdana Menteri itu dianggap suatu sejarah penting dan tepat pada masanya dalam usaha mencari kedamaian bagi dunia yang penuh bergolak hari ini.